



IKLAN JAWATAN KOSONG

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK

Kami mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan berdasarkan syarat yang ditetapkan, dan mempunyai komitmen yang tinggi dan penuh iltizam serta bercita-cita untuk berkhidmat di Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak yang menuju sebuah universiti bereputasi antarabangsa, bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

JAWATAN : PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q41, Q43/44, Q47/48, Q51/52, Q53/54

KUMPULAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
JADUAL GAJI/GRED :

<u>GRED</u>	<u>GAJI MINIMUM</u>	<u>GAJI MAKSIMUM</u>
Q41	RM2,315.00	RM9,618.00
Q43	RM3,602.00	RM10,504.00
Q47	RM5,203.00	RM11,761.00
Q51	RM5,844.00	RM12,441.00
Q53	RM6,174.00	RM13,248.00

SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a)
 - (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan Gred Q41 : RM2,315.00); atau
 - (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang pertanian atau perikanan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan Gred Q41 : RM2,418.66); atau
 - (iii) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan Gred Q41 : RM2,522.44); atau
 - (iv) ijazah Doktor Perubatan Veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan Gred Q41 : RM2,730.00); atau
 - (v) ijazah sarjana dalam bidang sains atau kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan Gred Q41 : RM2,833.78)
 - (iv) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang sains atau kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan Gred Q41 : RM3,145.11)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- c) Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan.

KEUTAMAAN LANTIKAN:

Keutamaan lantikan bagi calon yang mempunyai kelayakan ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang sains.

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q41, Q43/44, Q47/48, Q51/52, 53/54

Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q43, Gred Q47, Gred Q51 atau Gred Q53 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) Memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan a dan b;
- (b) Memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan;
- (c) Telah terbukti kemampuan dari segi pengalaman dan sumbangan kepada bidang pembangunan dan penyelidikan (R&D); dan
- (d) Memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

Ringkasan Tugas

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas penyelidikan dan pembangunan (R&D), memberi perkhidmatan kepakaran, latihan, khidmat perundangan dan penerbitan artikel dalam bidang yang berkaitan.

TARAF JAWATAN: TETAP**SYARAT LAIN:**

- a) Pemohon mestilah Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
- c) Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan mestilah berumur tidak melebihi 50 tahun;
- d) Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON :

Semua permohonan jawatan adalah menggunakan Sistem Permohonan Jawatan secara *Online* (SPJOnline) sepenuhnya dengan memasuki laman web <http://spjonline.upm.edu.my>

Untuk maklumat lanjut berkenaan jawatan yang ditawarkan dan syarat-syarat lantikan sila rujuk di laman web UPM Kampus Bintulu Sarawak www.btu.upm.edu.my di **Menu Jawatan Kosong**.

PERHATIAN :

Permohonan secara *online* yang tidak lengkap boleh menyebabkan permohonan tidak akan dipertimbangkan.

Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

TEMPOH IKLAN:

Sistem Permohonan Jawatan secara *online* (SPJOnline) akan mula dibuka pada **07 Disember 2020 (Isnin)** dan akan ditutup pada **14 Disember 2020 (Isnin)** jam 5.00 petang.